

**Perdana Menteri Pengerusi Mesyuarat MB Dan Ketua Menteri
Bernama
25 Jun, 2013**

PUTRAJAYA, 25 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Selasa mempengerusikan Mesyuarat Ke-118 Menteri Besar dan Ketua Menteri di Bilik Mesyuarat Perdana Menteri, bangunan Perdana Putra di sini.

Mesyuarat pada pukul 3 petang itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa serta beberapa menteri Kabinet.

Ini merupakan mesyuarat kali kedua diadakan tahun ini, dengan kali pertama pada Februari lepas, yang bertujuan menyelaraskan pentadbiran antara negeri selain membincangkan isu-isu berbangkit.

Mesyuarat yang kali pertama diadakan selepas pilihan raya umum ke-13 5 Mei lepas itu turut menyaksikan kehadiran 'muka baharu' dalam senarai Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Mereka terdiri Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir, Menteri Besar Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Perlis Azlan Man dan Ketua Menteri Melaka Datuk Idris Haron.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958684>